



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD4 (7)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

MAJLIS NGILING BIDAI PROMOSI PELANCONGAN BERTERASKAN BUDAYA

7 Julai 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menganjurkan Majlis Ngiling Bidai bersama Komuniti di Sibu, bertempat di Hotel Kingwood, Sibu Sarawak pada hari ini.

Ngiling Bidai adalah simbolik kepada penutup sambutan Gawai yang merupakan satu acara penting kepada masyarakat khususnya di Sarawak termasuk di Sibu. Walaupun Gawai Dayak disambut oleh masyarakat Iban dan Bidayuh di Sarawak serta sebahagian Kalimantan Barat, namun festival ini turut diraikan oleh seluruh masyarakat Malaysia berbilang kaum.

YB Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, yang hadir mewakili dan

membacakan teks ucapan YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya berkata, walaupun kebiasaannya sambutan ini diraikan di rumah panjang, namun pada kali ini, MOTAC membawa keunikan budaya Ngiling Bidai ke hotel untuk diraikan bersama tetamu yang datang dari luar Sibul, sekaligus menjadikan *Ngiling Bidai* sebagai satu lagi produk pelancongan budaya yang boleh diketengahkan.

Tradisi menggulung bidai yang dihampar diruai dilakukan dalam keramaian dan majlis penutupan mempunyai maksud tersirat sempena festival Gawai. Menggulung tikar juga menjadi satu simbolik bahawa keramaian telah berakhir sekaligus penghuni saling mengemas dan membersihkan kawasan rumah panjang selepas tamat upacara Gawai.

“Penganjuran program-program yang dapat mengangkat seni budaya tempatan seperti ini perlu diperbanyakkan bagi membuka lebih banyak peluang kepada penggiat tempatan menonjolkan karya dan produk masing-masing. Dalam konteks mengangkat kecemerlangan budaya ini, usaha penting yang boleh dilaksanakan ialah

membangunkan infrastruktur budaya yang moden dan lestari," jelas YB Dato Sri Tiong King Sing.

Tambah beliau, penganjuran majlis ini tepat pada masanya sejajar usaha memajukan sektor pelancongan setempat di daerah ini menerusi kekayaan warisan budaya masyarakatnya. MOTAC sentiasa mengangkat dan menghargai semua elemen warisan, tradisi, kebudayaan, kesenian dan adat istiadat setiap suku kaum di negara ini.

Dalam masa sama, beliau turut mengingatkan supaya semua pihak memelihara perpaduan negara dengan tidak memainkan isu perkauman dan agama, kerana ia akan mewujudkan racial tension atau ketegangan kaum. Semua kaum dapat memahami makna kontrak sosial yang wujud menerusi perasaan kasih sayang dalam suasana harmoni dan muhibah; saling memberi dan menerima; serta saling hormat menghormati antara satu sama lain.

"Sebab itu kita perlu saling bertoleransi di dalam konteks masyarakat majmuk. Masyarakat yang pelbagai agama dan bangsa merupakan keunikan negara kita. Sebab itu saya pernah kata, kalau hendak melihat semangat Malaysia majmuk yang saling hormat menghormati,

datanglah Sarawak, kerana di sinilah mencerminkan perpaduan Malaysia yang sebenarnya.

“Apa yang boleh dilakukan di sini, akan menjadi isu besar jika ia dilakukan di Semenanjung. Itulah realitinya, bila wujud segelintir pihak yang suka memecah belahkan masyarakat dengan menggunakan sentimen ekstremis agama dan kaum.

“Daripada bermain dengan api yang berupaya merebak menjadi besar dan memudaratkan negara, lebih baik jelaskan kepada rakyat apa tawaran kepada mereka. Apa yang kita mampu membantu rakyat dan negara berdepan waktu sukar akibat ketidaktentuan ekonomi global pada ketika ini. Apa khidmat yang boleh kita salurkan dan apa inisiatif yang boleh diperkenalkan untuk membantu rakyat, tegas beliau.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac